

Malaysia hantar wakil dialog ke Washington

Anwar tegaskan kerajaan lakukan apa saja untuk jaga kepentingan ekonomi negara

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Hazwan Faisal Mohamad
bhbiz@nstp.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia akan menghantar pegawai ke Washington untuk memulakan proses dialog mengenai tarif timbal balas 24 peratus yang dikenakan Amerika Syarikat (AS), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, pada masa sama, Malaysia akan melakukan apa saja untuk menjaga kepentingan ekonomi dalam mendepani cabaran tarif global itu.

Amerika Syarikat (AS) sebelum ini mengumumkan kadar tarif timbal balas terhadap 25 negara antara 10 hingga 46 peratus, iaitu Malaysia dikenakan 24 peratus.

Perdana Menteri berkata, 'angin mungkin beralih tetapi Malaysia tidak hanyut', malah strategi kepelbagaian perdagangan negara sudah semakin meningkat.

Walaupun Malaysia berhasrat untuk kekal sebagai rakan perdagangan yang teguh dengan Amerika Syarikat (AS), katanya, negara ini akan seiring melakukan apa sahaja untuk menjaga kepentingan ekonominya.

Menurutnya, ia termasuk membabitkan diri secara proaktif dengan AS ke arah mencapai hasil yang saling menguntungkan dan pada masa sama, mempelbagaikan dan mengukuhkan hubungan dengan semua pasaran perdagangan utama di seluruh Kesatuan Eropah (EU), Asia, Asia Barat dan Afrika.

"Kami tidak percaya kepada diplomasi megafon. Sebagai sebahagian daripada pendekatan *soft diplomacy* melalui pembabitkan secara senyap, kami akan menghantar pegawai ke Washington untuk memulakan proses dialog.

"Meskipun ruang untuk mengkaji semula hasrat asal mungkin terhad, masih terdapat peluang untuk menyesuaikan pelaksanaan dasar itu," katanya pada Persidangan Pelaburan ASEAN 2025 di sini, semalam.

Persidangan itu diadakan sempena Mesyuarat Menteri Kewa-



ngan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN (AFMGM) ke-12 yang bermula 7 hingga 10 April 2025.

Bantu perniagaan kecil

Sementara itu, Anwar berkata, Malaysia dengan sokongan rakan kongsi melancarkan Panduan Pendedahan ESG Ringkas ASEAN untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Beliau berkata, ia adalah alat praktikal untuk membantu perniagaan kecil mengambil langkah pertama ke arah operasi yang lebih mampan dan telus.

Kira-kira 300 delegasi, terdiri daripada menteri kewangan ASEAN, gabenor bank pusat, pegawai daripada institusi kewangan antarabangsa dan wakil sektor swasta akan menghadiri AFMGM yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Selain mesyuarat tertutup, terdapat persidangan perniagaan, pameran serta mesyuarat tiga hala dan mesyuarat di luar acara dengan rakan dialog, iaitu China, Jepun dan Korea Selatan.

Anwar juga berkata, ASEAN perlu bergantung sesama sendiri dengan memperkukuh perdagangan intra-ASEAN dalam mendepani persekitaran tarif global yang mencabar.

Beliau berkata, liberalisasi tarif dalam rantau ini sebahagian besarnya sudah lengkap, tetapi penajajaran kawal selia, logistik rentas sempadan dan ketersambungan digital masih belum selesai.

"Jumlah dagangan barangan AS\$3.5 trilion dolar, namun ang-

ka ini tidak dijamin.

"Dengan tarif yang bertubi-tubi melanda seluruh dunia secara pantas, kita menyaksikan kemelut tatanan global," katanya.

Sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini, Anwar berkata, Malaysia akan mengutamakan usaha menggiatkan semula platform strategik seperti ASEAN+3 yang dianggotai 10 negara anggota bersama China, Jepun dan Korea Selatan, sebagai mekanisme bagi daya tahan ekonomi.

Katanya, itu juga memerlukan kemajuan pantas dalam inisiatif di peringkat subserantau, contohnya seperti Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).

Menurut Anwar, Malaysia juga komited untuk melabur dalam membangunkan kawasan sempadan seperti di utara Semenanjung yang bersempadan Thailand, selain Sabah dan Sarawak dengan Kalimantan bagi menggalakkan aktiviti ekonomi untuk manfaat penduduk di kedua-dua belah sempadan.

Sementara itu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan mengesahkan delegasi Malaysia akan berlepas ke Washington pada akhir April ini.

Ditanya sama ada Malaysia panik dengan situasi tersebut beliau secara berseloroh menjawab: "Tidaklah. Kita tenang-tenang saja."

Amir Hamzah berkata, walaupun tindak balas (tarif) itu mengejutkan, Malaysia mengambil pendekatan berhemah dan tidak beremosi dalam menghadapi situasi tersebut.

Tengku Zafrul ketua delegasi ke AS

Kuala Lumpur: Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz akan mengetuai delegasi Malaysia ke Washington, Amerika Syarikat (AS) hujung bulan ini, bagi berunding kadar tarif yang diumumkan negara itu baru-baru ini.